

03 JUL 1999

Shahnon-Maaf

SHAHNON MINTA MAAF SECARA TERBUKA PADA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 3 Julai (Bernama) -- Pengarang novel "SHIT" Prof Datuk Shahnon Ahmad malam tadi memohon maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menyebabkan Perdana Menteri merasa terhina hasil karyanya itu.

"Jika beliau (Mahathir) rasa tersentuh hati, tersinggung dan terhina saya meminta maaf kepadanya tetapi sebenarnya saya langsung tidak berniat untuk menghina sesiapa pun," kata Sasterawan Negara itu pada satu ceramah di Taman Rakyat, Jalan Sultanah di sini.

Shahnon, anggota seumur hidup PAS, berkata buku itu dihasilkan bukan bertujuan menghina dan mengutuk Dr Mahathir secara peribadi tetapi semata-mata untuk mengkritik dasar kepimpinan kerajaan sekarang.

Pada perhimpunan agung UMNO lepas, Dr Mahathir melahirkan rasa kesalnya dengan keterlaluan Shahnon mengutuk beliau serta menghina ibunya dalam novel itu.

Beberapa pihak lain turut membidas pengarang itu kerana buku itu mengandungi bahan yang mencarut dan memaki hamun.

Shahnon berkata beliau tidak memperolehi pendapatan lumayan seperti yang disangkakan walaupun novel "SHIT" mendapat sambutan dan laris.

Katanya sebanyak 130,000 naskhah telah dijual tetapi hasil jualan buku itu yang dicetak rompak adalah dua kali ganda dari jumlah jualan buku asal.

-- BERNAMA

MN MAI